Setiap manusia terdedah kepada pelbagai jenis sumber sinaran mengion dari sinaran semulajadi (IAEA, 1989) dan buatan manusia (Grasty dan LaMarre, 2004). Dedahan sinaran mengion semulajadi yang diterima manusia (UNSCEAR, 2000; Achola *et al.*, 2012) dan merupakan sinaran yang berterusan (Jabbar *et al.*, 2008) serta tidak dapat dielakkan (Kannan *et al.*, 2002). Dos tahunan yang diterima manusia akibat dedahan sinaran mengion semulajadi secara puratanya bernilai 2.4 mSv (UNSCEAR, 2000). Dedahan dos sinaran yang diterima manusia boleh berlaku melalui dua keadaan iaitu melalui dedahan dalaman (64 %) dan dedahan luaran (36 %) (UNSCEAR, 2000; ICRP 103, 2007). Sumbangan dedahan dos sinaran mengion semulajadi yang diterima manusia didominasi oleh dua sumber utama iaitu dari sinar kosmik dari angkasaraya dan sinaran mengion dari pemancar sinaran atau radionuklid primordial (WHO, 1961) dari tanah, bahan binaan, rumah, batuan, air, tumbuh-tumbuhan, fauna dan udara (UNSCEAR, 2000; Khoshbinfar dan Moghaddam, 2010; ICRU, 2011).

Survei sinaran mengion semulajadi telah banyak dilakukan di banyak negara di seluruh dunia bagi tujuan mendapatkan data dasar status keradioaktifan dan sinaran mengion di alam sekitar, seperti di Cyprus (Tzortzis, 2003), Austria (Wallova *et al.*, 2012), Nigeria (Jibiri, 2007), Brunei (Lai *et al.*, 1999), Oman (Goddard, 2002), Hong Kong (Tso dan Li, 1992), Switzerland (Buchli dan Burkart, 1989), Costa Rica (Mora *et al.*, 2007), Syria (Aissa dan Jubeli, 1997), Sweden (Kock dan Samuelsson,

2011), Rusia (Ramzaev *et al.*, 2006), Mesir (Ibrahim *et al.*, 1993), Lebanon (Samad *et al.*, 2013), Pakistan (Tufail *et al.*, 2006), Brazil (Yoshimura *et al.*, 2004), dan Spain (Quindos *et al.*, 1993). Terdapat beberapa lokasi yang telah dikenal pasti mempunyai bacaan kadar dos sinaran semulajadi yang tinggi ialah di Ramsar, Iran – 105, 000 nGy j<sup>-1</sup>; di Pantai Guarapari, Brazil – 90, 000 nGy j<sup>-1</sup> di wilayah geologi batuan vulkanik di Barat Daya Perancis – 10, 000 nGy j<sup>-1</sup>; di lokasi pemineralan bijih timah dan mineral nadir bumi di Sichuan, China – 9,140 nGy j<sup>-1</sup>; di wilayah batuan vulkanik (Era Oligocene-Miocene) di wilayah tengah Big Baku dan Bandar Sumgayit di Azerbaijan – 8770 nGy j<sup>-1</sup> (UNSCEAR, 2000; 2008); kawasan deposit mineral berat (monazit) di Erasama dan Chhatrapur di persisiran pantai Orissa, India – 5000 nGy j<sup>-1</sup> (Mohanty, *et al.*, 2004); di kawasan pendedapan monazite Chavra di pesisir pantai Kerala, India – 3767 nGy j<sup>-1</sup> (Ramasamy *et al.*, 2013), dan di San Vincente, Philippines – 1558 nGy j<sup>-1</sup> (UNSCEAR, 2000; 2008).

Dos akibat dedahan sinaran mengion dari alam sekitar atau dos aras rendah (dedahan di bawah 100 mSv atau 100 mGy daripada sinaran pemindahan tenaga linear, LET yang diterima melalui penyinaran secara sekaligus atau terkumpul secara tahunan) (ICRP 103, 2007) berpotensi untuk memberikan impak kepada kesihatan radiologi manusia (UNSCEAR, 2000). Jumlah dos sinaran yang rendah di bawah 100 mSv yang diterima oleh setiap individu, masih dianggap mempunyai kebarangkalian risiko untuk menyebabkan mudarat dan kesan stokastik sinaran seperti penyakit-penyakit kanser dan keturunan akibat tindak balas kimia dan mutasi sel-sel somatik dan sel-sel reproduktif dalam tubuh manusia (BEIR IV, 2006; ICRP 103, 2007). Dalam sistem praktikal perlindungan sinaran, model sambutan-dos (*dose-response model*) yang digunapakai oleh Suruhanjaya Antarabangsa Perlindungan Sinaran (ICRP) dan Jawatankuasa Saintifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Kesan Sinaran Atom (UNSCEAR) adalah model “*linear-non-threshold (LNT)*”. Berdasarkan model ini, pada aras dos di bawah 100 mSv, setiap peningkatan magnitud dos secara langsung akan menghasilkan satu peningkatan kebarangkalian risiko kejadian penyakit kanser atau keturunan disebabkan oleh sinaran mengion (BEIR IV, 2006; ICRP 103, 2007).



Selain itu, kajian penilaian impak radiologi alam sekitar, survei sinaran gama daratan dan keradioaktifan di alam sekitar merupakan kajian dasar yang penting (Fritz *et al.*, 2015; Engelbrecht, 2012; Kucukomeroglu *et al.*, 2012) untuk mengemukakan data saintifik aras keradioaktifan dan sinaran semulajadi bagi sesuatu lokasi atau wilayah (Ramli *et al.*, 1997; 2003; UNSCEAR 2000; 2008). Penilaian aras keradioaktifan dan sinaran semulajadi penting (Mandić dan Dragović, 2010) bagi penilaian menyeluruh implikasi radiologi kepada orang awam dan alam sekitar (Reddy *et al.*, 2003) sekiranya berlaku kemalangan nuklear (Quindos *et al.*, 1991), luruhan nuklear global (Pálsson *et al.*, 2013; Hamzah *et al.*, 2012; Ahmad *et al.*, 2010) dan pencemaran atau pelepasan sumber-sumber radioaktif daripada industri perlombongan nadir bumi, TENORM dan lain-lain (Merdanoğlu dan Altınsoy, 2006; Ateba *et al.*, 2010).

Dalam persediaan negara memasuki era nuklear seperti yang diramalkan oleh Perbadanan Kuasa Nuklear Malaysia pada tahun 2031 (MNPC) (Utusan 2017), iaitu 10 tahun melangkaui tahun jangkaan (2021) yang dibuat oleh pihak OECD-NEA (2014) pada masa lalu, data dasar mengenai aras keradioaktifan dan sinaran mengion adalah sesuatu yang diperlukan bagi (Quindos *et al.*, 1991; Saito *et al.*, 2012; Fritz *et al.*, 2015) bagi memenuhi syarat penilaian impak radiologi berdasarkan model sebaran radionuklid dan luruhan nuklear seperti yang telah digariskan oleh ICRP (*International Commission for Radiological Protection*) (ICRP 43, 1985), IAEA (*International Atomic Energy Agency*) dan LPTA (Lembaga Perlesenan Tenaga Atom Malaysia) (IAEA, 2003; AELB, 2011). Dalam keadaan operasi normal, data asas alam sekitar penting untuk kawalan berkanun perlepasan atau sebaran radionuklid dari operasi penjanaan tenaga nuklear (Fritz *et al.*, 2015). Manakala dalam kes berlakunya perlepasan atau kebocoran radionuklid, data pemantauan akan mengemukakan jawapan kepada persoalan sama ada keabnormalan aras keradioaktifan atau sinaran berlaku (Engelbrecht, 2012).

Selain itu, pendokumentasian data dasar aras sinaran dan keradioaktifan alam sekitar sebelum pembinaan atau sebelum operasi janakuasa nuklear adalah dititikberatkan dan merupakan salah satu kriteria yang telah disenaraikan oleh IAEA dalam panduan pemilihan lokasi reaktor janakuasa nuklear (IAEA, 1963) dan merupakan saranan utama dalam pemantauan rutin bagi perlindungan sinaran orang

awam oleh ICRP (ICRP 43, 1985). Dalam simposium IAEA yang telah diadakan di Bombay pada Mac 1963, suatu jaringan pemantauan sinaran latarbelakang perlu dilakukan sebelum dan semasa operasi reaktor janakuasa nuklear (IAEA, 1963).

Pemantauan ini akan membolehkan pemetaan sinaran latarbelakang dilakukan dengan mengambil kira sumber-sumber sinaran daripada radionuklid semulajadi dan antropogenik  $^{137}\text{Cs}$  (Fritz *et al.*, 2015). Pemetaan aras sinaran dan keradioaktifan ini juga penting dalam urusan siaraya kerajaan bagi menyakinkan orang ramai sekiranya isu-isu mengenai jaminan keselamatan orang awam dan sistem ekologi terhadap bahaya penggunaan bahan nuklear khususnya dari reaktor janakuasa nuklear dibangkitkan (Menoux *et al.*, 1963; Ramli, 2007).

Selain daripada mengemukakan data survei aras keradioaktifan dan sinaran mengion alam sekitar, kajian sebegini juga secara tidak langsung dapat mengemukakan data preliminari sumber bahan bakar nuklear yang berpotensi di Semenanjung Malaysia. Secara umumnya, penjanaan semasa tenaga elektrik di Semenanjung Malaysia bergantung pada sumber gas asli dan arang batu, iaitu sebanyak 87.4% (Malaysia Energy Commission, 2014), diikuti oleh sumber hidro sebanyak 8.7%, selebihnya iaitu 4% adalah daripada sumber bahan bakar minyak, biomas, solar dan lain-lain (Malaysia Energy Commission, 2014).

Berdasarkan kadar penggunaan semasa dan kadar pengeluaran kasar gas asli, bekalan gas asli negara dijangka dapat bertahan untuk 24 tahun sahaja lagi sekiranya lapangan gas asli yang baru tidak ditemui (Abdul Rahim *et al.*, 2012). Manakala, kadar semasa penggunaan tahunan arang batu sebanyak 23, 899, 128 ton metrik per tahun dan rizab bekalan pengeluaran tempatan arang batu adalah 2, 893, 962 ton metrik (pada tahun 2014) telah memaksa kerajaan mengimport sebahagian besar bekalan arang batu daripada negara luar seperti Indonesia, Australia, Afrika Selatan dan China (Malaysia Energy Commission, 2014). Masalah utama penggunaan sumber import primer ini adalah jaminan bekalan yang mampan, yang mana harga sumber arang batu bergantung sepenuhnya pada pengeksport sumber bahan bakar ini dan faktor kekurangan bekalan akibat permintaan global yang semakin tinggi setiap tahun (Basri *et al.*, 2015).

Dengan kadar tahunan penggunaan elektrik yang semakin meningkat, faktor perubahan iklim, keperluan kepada jaminan bekalan tenaga jangka masa panjang, keperluan mempelbagaikan tenaga campuran, dan bekalan bahan bakar fosil yang semakin berkurangan, dalam Rancangan Malaysia ke-10, kerajaan telah menyatakan kesediaan negara untuk menggunakan tenaga nuklear sebagai sumber alternatif bagi penjanaan tenaga di Malaysia (EPU, 2014) dengan unit pertama reaktor janakuasa nuklear yang dicadangkan di Semenanjung Malaysia adalah berkapasiti 2 GWe (OECD-NEA, 2014).

Dengan usaha dan kajian-kajian yang sedang giat dijalankan bagi persediaan negara memasuki era tenaga nuklear pada tahun 2031, isu bekalan bahan bakar nuklear juga telah dibangkitkan bagi memastikan jaminan bekalan jangka panjang sumber bahan bakar nuklear untuk reaktor jenis Kitaran Sepenuhnya Nuklid Pembelahan U atau Th (*Fully Cycle Reactor of fissile nuclides*). Bagi tujuan eksplorasi sumber U dan Th, data awalan kajian ini boleh memberikan maklumat yang signifikan terutamanya untuk tujuan penilaian ketersediaan sumber bahan api nuklear U dan Th sebagai sumber tenaga jangka panjang kepada negara (Sanusi *et al.*, 2016).

## 1.2 Pernyataan Masalah

Untuk mematuhi syarat utama piawai keselamatan yang ditetapkan oleh Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA), dalam persediaan memperkenalkan reaktor janakuasa nuklear (NPP) negara yang pertama, maklumat asas atau data dasar keradioaktifan di alam sekitar sesuatu kawasan adalah perlu bagi membolehkan penilaian impak radiologi (Fritz *et al.*, 2015) terhadap orang awam dan alam sekitar akibat pencemaran masa hadapan dari perlepasan atau kebocoran radionuklid antropogenik daripada operasi NPP atau kemalangan nuklear (Köteles, 1980; IAEA, 2016). Maklumat asas dan data dasar ini perlulah dapat dirujuk dalam program rutin pemantauan alam sekitar pada fasa sebelum operasi dilakukan bagi menyediakan data dasar aras keradioaktifan dan sinaran di alam sekitar yang diperlukan bagi tujuan pemantauan selepas fasa nyahtauliah (*decommissioning*) dan pasca operasi

(*post-operation*) dan untuk persediaan kecemasan dan pemantauan kecemasan semasa kemalangan nuklear (ICRP 43, 1985).

Dengan kemungkinan pembinaan reaktor janakuasa nuklear pertama di Malaysia dalam tahun 2031 (Utusan, 2017) dan kemungkinan beberapa lagi selepas itu, maka kajian menyeluruh yang melibatkan penyediaan data dasar keradioaktifan, sinaran mengion (Engelbrecht, 2012), anggaran dos berkesan tahunan terhadap populasi dan penilaian impak kesihatan radiologi kepada orang awam di Semenanjung Malaysia perlulah dilaksanakan. Ini diperlukan untuk memenuhi keperluan standard keselamatan IAEA dan LPTA Malaysia untuk loji kuasa nuklear (ICRP 43, 1985; IAEA, 2003; AELB, 2011). Ini adalah bertujuan untuk memastikan perlindungan yang mencukupi terhadap populasi dan alam sekitar daripada kesan sinaran mengion yang mungkin dihasilkan dari loji kuasa nuklear (Engelbrecht, 2012).

Berikutan kepada penemuan risiko kesihatan pada dos aras yang rendah, terutamanya kesan stokastik (kesan sinaran tertangguh) iaitu kejadian kanser, dedahan kepada sinaran mengion pada dos aras rendah iaitu sinaran dari alam sekitar telah menarik perhatian pada peringkat global (ICRP 103, 2007). Dalam perancangan dan pengurusan kesihatan awam, ia diperlukan untuk menilai status dedahan sinaran yang diterima oleh orang awam, untuk membolehkan dan memudahkan pelaksanaan langkah perlindungan radiologi terhadap kesan stokastik. Selain itu, untuk mematuhi sistem perlindungan radiologi manusia yang terkini (ICRP 103 2007), adalah wajar untuk mengkaji semula sumber dedahan sinaran mengion semulajadi kepada orang awam seperti, situasi dedahan sedia ada (*existing exposure situation*) dan untuk mewujudkan langkah-langkah perlindungan yang sesuai seperti mengadakan kekangan atau menetapkan aras rujukan (*constraint or reference level*) (IAEA, 2014).

Beberapa survei sinaran mengion di alam sekitar dan kajian radiologi di alam sekitar yang telah dilakukan di Semenanjung Malaysia, kebanyakannya adalah bersifat kajian kewilayahan (*regional study*) dan setempat (Ramli dan Jasman, 1995; Ramli *et al.*, 1997; 2001; 2003; 2005a; 2005b; Saleh 2013; Abdul Rahman *et al.*, 2014; Al-Mayahi *et al.*, 2012a; 2012b; 2013; Abdul Rahman *et al.*, 2004; Alias *et al.*, 2004; Omar *et al.*, 20; Theng dan Mohamed, 2005; Wo dan Mohamad, 2007; Omar

dan Laili, 2008 Ismail *et al.*, 2005; Mohamed *et al.*, 2006; Yew *et al.*, 2006; Omar *et al.*, 2007; Alias *et al.*, 2008; Saat *et al.*, 2010; Sabuti *et al.*, 2010; Hamzah *et al.*, 2011; Hamzah *et al.*, 2012; Afiqah *et al.*, 2012). Kajian ini menilai taburan dos berkesan tahunan yang diterima oleh orang awam akibat dedahan kepada sinaran mengion luaran dan dalaman di seluruh Semenanjung Malaysia, sekali gus mewujudkan data asas dan status semasa dedahan sinaran mengion dari alam sekitar kepada penduduk. Berdasarkan kepada maklumat kuantitatif ini, dos berkesan tahunan dan risiko kebarangkalian kejadian dan kematian akibat kanser akan dianggarkan. Kajian ini juga turut memanfaatkan data kajian yang terdahulu.

Anggaran dos-dos dedahan sinaran mengion alam sekitar terhadap orang awam adalah sesuatu yang penting dalam amalan perlindungan radiologi. Ianya juga bermanfaat untuk penilaian impak radiologi pada masa hadapan sekiranya berlaku pelepasan sumber-sumber radionuklid antropogenik pada sistem biosfera, akibat daripada malapetaka letupan dan luruhan nuklear global. Anggaran-anggaran dos akibat pemancar sinaran gama daratan daripada sumber antropogenik dan primordial yang mana tertabur secara homogen dalam tanah adalah merupakan satu teknik dosimetri sinaran yang sangat konvensional dalam perlindungan radiologi alam sekitar (ICRP 74, 1996).

Bagi tujuan menganggarkan risiko kanser bagi organ atau tisu yang spesifik dalam tubuh manusia, purata dos-dos setara berpemberat tisu atau organ perlulah dikira dan dianggarkan dahulu. Teknik yang paling terkini yang akan digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan teknik numerikal Monte Carlo bagi penganggaran faktor-faktor penukaran dos (*dose conversion factors*, DCFs) akibat dedahan sinaran luaran dari sumber-sumber keradioaktifan  $^{238}\text{U}$ ,  $^{232}\text{Th}$ ,  $^{40}\text{K}$  dan  $^{137}\text{Cs}$  dalam tanah. Penggunaannya adalah meluas dan telah banyak dilaporkan dalam kajian-kajian lama dan terkini.

Namun terdapat dua isu utama yang telah dikenalpasti wujud daripada kajian-kajian lama ini; 1) iaitu kebanyakan nilai-nilai DCFs yang dicadangkan atau dilaporkan adalah diungkap atau diberikan dalam unit jumlah dos terserap dalam udara (nGy per Bq kg) atau unit penjumlahan dos organ-organ i.e., dos berkesan (nSv per Bq kg), iaitu unit yang disarankan oleh Jawatankuasa International

Commission on Radiological Protection (ICRP). Oleh itu, ianya adalah tidak praktikal bagi penganggaran dos terserap atau setara bagi setiap tisu atau organ spesifik. Sebagai alternatif kepada DCFs, terdapat banyak pemalar-pemalar penukaran dos (*dose conversion coefficients*, DCCs) bagi setiap jenis tisu dan organ telah dicadangkan bagi membantu penganggaran dos organ-organ atau tisu bagi pelbagai arah dan geometri penyinaran tertentu (ICRP 74, 1996).

2) Walau bagaimanapun, nilai atau data DCCs ( $\text{Sv Gy}^{-1}$ ;  $\text{Gy Gy}^{-1}$ ;  $\text{pSv per } \gamma \text{ cm}^2$ ) adalah diberikan dalam bentuk interpretasi yang tidak sesuai dan sukar untuk digunakan. Secara konvensional, siri data DCCs adalah diberikan dalam pelbagai kaedah i.e., secara lakaran grafik dengan fungsi tenaga foton (Petoussi *et al.*, 1991; Choonsik *et al.*, 2007; Ferrari dan Gualdrini 2007; Petoussi *et al.*, 2012; 2014). Selain itu, kebanyakan nilai-nilai DCCs diberikan dalam unit  $\text{pSv per fluks foton } (\gamma \text{ cm}^{-2})$ , yang mana penggunaannya lazim bagi tujuan perubatan nuklear dan tidak praktikal untuk digunakan dalam pengukuran rutin keradioaktifan alam sekitar (Petoussi *et al.*, 1991; Jones, 1997; Zankl *et al.*, 1997; 2002; Choonsik *et al.*, 2007; Schlattl *et al.*, 2007; Akkurt dan Eckerman, 2007; Ferrari dan Gualdrini, 2007; Li *et al.*, 2009; ICRP 116, 2010).

Selain itu, data DCCs berfungsi dengan tenaga yang diberikan dalam jadual atau graf kebiasaannya diberikan dalam setiap turutan menaik 10 keV, yang mana tidak relevan dan praktikal bagi sumber tenaga gama yang spesifik dari radionuklid-radionuklid alam sekitar dan antropogenik (Xu *et al.*, 2001). Data-data berjadual dan graf sebegini memerlukan kaedah pengiraan interpolasi statistik untuk mendapatkan nilai-nilai tenaga gama pemancar radionuklid yang dikehendaki. Disebabkan oleh data-data DCCs melibatkan julat tenaga sinaran yang besar dan beberapa jenis sudut dan arah penyinaran yang berbeza i.e., anterior, posterior dan lateral, secara konvensional data DCCs diberikan dalam graf logaritma (Petoussi *et al.*, 1991; Yamaguchi, 1994; Jones, 1997; Zankl *et al.*, 1997; 2002; Ferrari dan Gualdrini 2007; Akkurt dan Eckerman 2007; ICRP 116, 2010; Petoussi *et al.* 2012; 2014). Disamping itu, kebanyakan nilai DCCs yang dicadangkan adalah untuk aplikasi dedahan penyinaran akibat kontaminasi keradioaktifan dalam udara dan tanah e.g., sumber sinaran berbentuk cakera dan satah, dan kebiasaannya diberikan dalam nilai-nilai unit  $\text{pSv per Bq m}^{-2}$  (Jacob *et al.*, 1986; Eckerman dan Ryman 1993; Choonsik *et al.*

2007; Schlattl *et al.*, 2007; Akkurt dan Eckerman, 2007; Ferrari dan Gualdrini, 2007; ICRP 116, 2010; Petoussi *et al.*, 2012; 2014).

Oleh itu, kajian ini akan menganggarkan nilai DCFs bagi organ dengan menggunakan teknik dosimetri kod simulasi Monte Carlo yang paling terkini, MCNP5. Selain itu, teknik ini secara tidak langsung akan mengemukakan satu kaedah yang paling asas dan mudah untuk tujuan pemantauan radiologi alam sekitar iaitu menganggarkan dos setara bagi organ dan tisu akibat penyinaran medan sinaran gama daripada sumber-sumber utama iaitu  $^{238}\text{U}$ ,  $^{232}\text{Th}$ ,  $^{40}\text{K}$  dan  $^{137}\text{Cs}$  dalam tanah dan bahan binaan rumah.

Daripada survei-survei aras keradioaktifan dan sinaran mengion yang dijalankan, kajian ini juga secara tidak langsung akan memberikan maklumat berguna iaitu data preliminari ketersediaan sumber bahan api nuklear (i.e., torium) yang berpotensi di Semenanjung Malaysia.

### **1.3 Skop Kajian**

Kajian ini merangkumi seluruh Semenanjung Malaysia. Bagi tujuan pengumpulan data kajian, kajian ini melibatkan dua kaedah penting iaitu; kaedah eksperimen dan numerik. Kaedah eksperimen melibatkan survei-survei sinaran gama daratan, persampelan, dan analisis keradioaktifan semulajadi dan antropogenik. Data yang diperolehi dianalisis melalui beberapa ujian kesahihan dan hipotesis statistik. Manakala kaedah numerik digunakan untuk tujuan interpretasi data yang diperolehi daripada kaedah eksperimen. Kaedah numerik yang digunakan dalam kajian ini melibatkan simulasi Monte Carlo bagi tujuan dosimetri dan anggaran implikasi radiologi terhadap orang awam seperti anggaran kadar dos berkesan dan dos setara organ. Kajian ini juga turut mengolah data daripada kajian terdahulu seperti survei sinaran mengion alam sekitar kewilayahan dan kajian radiologi kewilayahan di Semenanjung Malaysia. Data asas lain juga turut digunakan seperti data perangkaan negara, data purata pengambilan makanan tahunan penduduk dari Kementerian

Kesihatan Malaysia, data geografi, data mineral, tinjauan tanah dan geologi dan data dari kajian yang melibatkan survei jelajah mineral (Zakaria *et al.*, 1993; 1994; Mohd Hassan *et al.*, 1995).

#### 1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk membina data dasar aras keradioaktifan di alam sekitar dan menganggarkan dos dedahan sinaran terhadap orang awam akibat sinaran mengion dari alam sekitar di Semenanjung Malaysia. Berikut adalah perincian objektif kajian:-

- 1) Menganggarkan dos berkesan tahunan yang diterima oleh orang awam di Semenanjung Malaysia akibat dedahan dari sinaran mengion di alam sekitar dari sumber sinaran kosmik (komponen sinaran mengion secara langsung dan neutron), sumber keradioaktifan primordial dalam tanah dan bahan binaan rumah dan antropogenik (siri  $^{238}\text{U}$ ,  $^{232}\text{Th}$ ,  $^{40}\text{K}$  dan  $^{137}\text{Cs}$ ) yang mana terhasil daripada kemalangan nuklear di Fukushima, Jepun dan luruhan nuklear daripada ujian senjata nuklear di seluruh dunia, dedahan dalaman akibat penyedutan gas radon dan toron ( $^{222}\text{Rn}$  dan  $^{220}\text{Rn}$ ), dan akibat penelanan sumber keradioaktifan siri  $^{238}\text{U}$ ,  $^{232}\text{Th}$ ,  $^{40}\text{K}$  dan  $^{137}\text{Cs}$  dalam makanan dan minuman.
- 2) Membangunkan teknik numerik yang ringkas dan mudah bagi anggaran dos organ dan dos berkesan akibat pancaran foton gama dari radionuklid primordial dan antropogenik dalam tanah (siri  $^{238}\text{U}$ ,  $^{232}\text{Th}$ ,  $\text{K}$  dan  $^{137}\text{Cs}$ ) dan dalam bahan binaan rumah menggunakan teknik numerik simulasi Monte Carlo MCNP5.
- 3) Mengemukakan hasil ujian kesahihan statistik antara hubungan pengaruh evolusi tektonik, latarbelakang geologi dan genesis tanah terhadap kadar dos sinaran gama daratan dan kandungan keradioaktifan dalam tanah.
- 4) Membina peta keruangan isodos bagi sinaran mengion dan peta iso-kepekatan keradioaktifan (siri  $^{238}\text{U}$  dan  $^{232}\text{Th}$ , dan  $^{40}\text{K}$ ) dalam tanah bagi mengemukakan



data preliminari eksplorasi torium untuk penilaian ketersediaan sumber bahan api nuklear ini di Malaysia pada masa hadapan.

### 1.5 Kepentingan Penyelidikan

Kepentingan dan sumbangan kajian disenaraikan seperti berikut:-

- 1) Kajian ini penting dan perlu dilakukan bagi mendapatkan data dasar atau maklumat asas aras keradioaktifan dan sinaran mengion dari sumber semulajadi. Data dasar kajian ini bermanfaat sebagai rujukan kepada pihak berkuasa di Semenanjung Malaysia khususnya pihak Lembaga Perlesenan Tenaga Atom Malaysia (LPTA) dan Agensi Nuklear Malaysia bagi rujukan penilaian keselamatan kesihatan radiologi orang awam pada era pembangunan program nuklear Malaysia pada masa hadapan.
- 2) Kajian ini penting dilakukan tujuan penganggaran dos berkesan tahunan yang diterima oleh populasi di Semenanjung Malaysia termasuk aras risiko kesihatan radiologi manusia akibat dedahan sinaran daripada sumber radionuklid semulajadi (primordial) dan antropogenik. Kajian juga secara tidak langsung mengemukakan satu teknik penambahbaikan dalam metodologi penganggaran dos organ menggunakan simulasi kod pengangkut foton Monte Carlo.
- 3) Kajian ini penting dilakukan bagi menyiasat aras pencemaran keradioaktifan dari sumber antropogenik  $^{137}\text{Cs}$  dan pemancar sinar gama berjangka hayat panjang ( $^{134}\text{Cs}$ ,  $^{60}\text{Co}$ ,  $^{85}\text{Kr}$ ,  $^{129}\text{I}$ ,  $^{241}\text{Am}$ ,  $^{103}\text{Ru}$ ) di Semenanjung Malaysia akibat aktiviti dan penggunaan tenaga nuklear di seluruh dunia seperti ujian senjata nuklear dan kemalangan loji reaktor tenaga nuklear.
- 4) Data dan hasil kajian penting untuk rujukan keselamatan, penguatkuasaan kawalan sisa dan pencemaran radioaktif dari industri TENORM (*technologically enhanced naturally occurring radioactive materials*) dan untuk tujuan

penggubalan dasar dan polisi yang melibatkan keselamatan pekerjaan dan orang awan akibat daripada amalan-amalan yang melibatkan penggunaan bahan radioaktif atau tenaga nuklear.

- 5) Kajian ini penting dilakukan bagi mendapatkan data preliminari ketersediaan sumber bahan bakar nuklear iaitu torium yang mana penting bagi rujukan pihak berkuasa yang terlibat dalam eksplorasi mineral di Semenanjung Malaysia seperti Jabatan Mineral dan Geosains dan Agensi Nuklear Malaysia.

## **1.6 Susun Atur Bab**

Tesis ini dibahagikan kepada 5 bab utama. Bab 1 merupakan pengenalan yang mengulas maklumat dan latarbelakang kajian yang dijalankan. Ia menghuraikan pernyataan masalah, skop dan rangkuman kajian, objektif kajian dan kepentingan kajian. Bab ini memberikan maklumat awalan dan gambaran umum tentang kajian.

Bab 2 pula adalah kajian kepustakaan pula menghuraikan teori dan asas fizik sinaran, biofizik sinaran, termasuk huraian mengenai sinaran mengion di alam sekitar, laporan kajian terdahulu yang telah dilakukan di Malaysia, termasuk laporan dari kajian luar negara dan badan antarabangsa.

Bab 3 iaitu metodologi kajian menghuraikan tentang maklumat kawasan kajian seperti maklumat latarbelakang dan pengenalan kepada lokasi kajian. Maklumat yang dikemukakan mengenai kawasan kajian melibatkan maklumat demografi dan strata sosial, geografi dan topografi kawasan kajian, pengenalan kepada evolusi tektonik, maklumat teren tektonik, latarbelakang geologi, litologi kawasan kajian dan pengenalan kepada genesis tanah dan sistem pengelasan tanah yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Bab ini juga turut menghuraikan kaedah, teknik, analisis data dan instrumen utama yang digunakan dalam kajian ini

Bab 4 mengemukakan keputusan dan perbincangan adalah bab yang mengemukakan keseluruhan dapatan hasil dari kajian ini dan analisis yang telah dilakukan. Bab ini menghuraikan dan membincangkan data dan keputusan analisis yang dibuat dan membandingkannya data dengan kajian terdahulu bagi menguji kebolehpercayaan dan kesahihan data yang diperolehi. Bab 5 mengemukakan kesimpulan hasil kajian dan mengemukakan cadangan untuk kajian pada masa hadapan.